

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[MALAY MANUSCRIPT IN ISLAMIC EDUCATION: A PRELIMINARY STUDY IN
THE NATIONAL LIBRARY OF MALAYSIA]**

**MANUSKRIP MELAYU DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM: SUATU KAJIAN
AWAL DI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

MOHD ANUAR MAMAT^{1*}

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

*Corresponding author: anuarmamat@usim.edu.my

Received Date: 7 November 2017 • Accepted Date: 28 April 2017

Abstract

The Islamic scholars in Malay Archipelago played significant roles in various branch of knowledge. They are committed in developing the Malay-Islamic civilization as well as Islamic knowledge. Their contributions are proved by the existence of around 22,000 copied manuscripts in various fields of knowledge. Therefore, this paper will focus on the contribution of Islamic scholars in Malay Archipelago in Islamic education by studying the Malay manuscripts. The focus is mainly on manuscripts of Islamic education since the previous studies discussed their contributions and the categories of manuscripts in general. The manuscripts of Islamic education are categorized under the field of religion. Data are collected from the descriptive catalogues published by The National Centre for Malay Manuscripts, National Library of Malaysia. There are about 32 manuscripts related to Islamic education, which is 12 manuscripts entitled 'Adab' as the term for Islamic education treatises. The selected manuscripts of education will be reviewed and explained in detail. The finding of this paper intended to reveal that Islamic scholars in Malay Archipelago have a significant contribution in the educational field. Therefore, further studies and researches can be done in educational field in relation to the educational thought and the classical works of the early Islamic scholars in Malay Archipelago.

Keywords: Malay Scholars; Malay Manuscripts; Islamic Education; Manuscript Studies; National Library of Malaysia.

Abstrak

Peranan yang dimainkan oleh para ulama Alam Melayu dalam pelbagai aspek keilmuan sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Mereka berusaha membangunkan tamadun Melayu-Islam dan mengembangkan ilmu dalam segenap aspek. Sumbangan yang dihasilkan dalam bidang keilmuan terbukti dengan kewujudan sekitar 22,000 manuskrip dalam pelbagai bidang ilmu. Oleh itu, artikel ini akan memfokuskan perbincangan mengenai sumbangan para ulama Alam Melayu dalam bidang pendidikan Islam dengan mengkaji manuskrip Melayu-Islam dalam bidang

tersebut. Bidang pendidikan menjadi fokus utama artikel ini disebabkan kajian-kajian lepas hanya membincangkan sumbangan ulama Alam Melayu secara umum sahaja dan kajian tentang manuskrip juga dibahagikan dalam kategori yang terlalu umum. Manuskrip bidang pendidikan Islam atau yang membicarakan tentang pendidikan hanya dikategorikan di bawah bidang agama dan sehingga kini masih belum ada penulisan berkaitan manuskrip Melayu dalam bidang pendidikan Islam. Pengumpulan data dibuat secara khusus dengan meneliti katalog-katalog deskriptif yang diterbitkan oleh Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, memilih dan mengemukakan deskripsi umum manuskrip Melayu terpilih dalam bidang pendidikan Islam. Kajian awal ini mendapati wujudnya sekitar 32 naskhah manuskrip yang amat berkait rapat dengan bidang pendidikan Islam dengan 12 naskhah manuskrip yang dijudulkan sebagai 'Adab' sebagai karya yang membincangkan tentang ilmu dan pendidikan Islam. Dapatan ini sekaligus membuktikan bahawa ulama Alam Melayu juga memberi sumbangan yang besar dan bernilai dalam bidang pendidikan Islam. Hasilnya juga diharapkan memudahkan pengkaji manuskrip Melayu untuk meneroka kajian lanjutan dalam bidang pendidikan Islam khasnya pemikiran dan karya-karya klasik para tokoh ulama Islam di Alam Melayu.

Kata kunci: Ulama Nusantara; Manuskrip Melayu; Pendidikan Islam; Kajian Manuskrip; Perpustakaan Negara Malaysia.

Cite as: Mohd Anuar Mamat. 2017. Manuskrip Melayu Dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal Di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15(1): 61-83.

PENDAHULUAN

Islam hadir ke Alam Melayu membawa pelbagai perubahan dan kemajuan, khasnya dalam aspek ilmu dan pendidikan. Kemajuan ini diistilahkan oleh para pengkaji sejarah Melayu seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas (2011) sebagai suatu 'zaman baru'. Beliau seterusnya mentakrifkan kenyataan ini dengan menyebut bahawa "pengertian zaman baru itu ialah suatu zaman yang mempunyai ciri-ciri yang penting dan yang bersifat persendirian serta berlainan dengan sifat-sifat zaman yang lampau, zaman yang menyangkan pandangan hidup yang berbeza daripada yang lampau, zaman yang menubuhkan bukan sahaja rupa baru bahkan *jiwa* baru" (al-Attas, 2011).

Penelitian yang dinyatakan oleh beliau di atas amat tepat dengan perkembangan ilmu dan kebudayaan masyarakat Melayu selepas agama Islam bertapak di Alam Melayu. Masyarakat Melayu kemudiannya memperlihatkan keunggulan mereka dalam pelbagai bidang kebudayaan sekali gus keilmuan (Mahayudin Yahaya, 2004). Hal ini kerana agama Islam itu sendiri membentuk budaya dan sahsiah mereka yang antara lain ajaran Islam amat mementingkan ilmu dan pendidikan. Atas kesedaran dan semangat ini, masyarakat Melayu yang awal banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang ilmu. Menurut Harun Mat Piah (2016) sehingga kini terdapat sekitar 22,000 naskhah manuskrip Melayu yang melebihi 5,000 buah judul. Manuskrip Melayu tersebut wujud dalam kepelbagaian bentuk dan isi, tersimpan dalam pelbagai koleksi, di dalam mahupun di luar negara. Jumlah ini menurut beliau lagi, tidak termasuk yang masih ada dalam simpanan institusi-institusi kecil (masjid, madrasah dan surau) serta orang-orang perseorangan. Penulisan manuskrip ini dapat dianggap sebagai produk

daripada aktiviti dan kemahiran para pangsur, pengarang, penulis, penyalin, pemungut, penyimpan dan pendokumen hasil-hasil sumbangan itu, iaitu warkah, manuskrip, catatan dan sebagainya (Harun Mat Piah, 2016). Manuskrip tersebut tersebar di merata dunia dan berada dalam koleksi 151 buah institusi di 28 buah negara. Malangnya kajian terhadap manuskrip ini masih lagi ketinggalan berbanding bidang yang lain. Kekurangan kajian mengenai hal ini menyebabkan sumbangan mereka yang besar dan bernilai tidak diketahui dan dihargai oleh masyarakat Islam. Lebih menyedihkan lagi ilmu yang disampaikan oleh mereka dalam penulisan manuskrip terabai dan hanya dilihat sebagai artifak dan bahan antik untuk tujuan perhiasan semata-mata (Dong Choo Ming, 2003 dan 2008).

Kajian terhadap karya Melayu khususnya manuskrip Melayu-Islam telah dimulakan sejak abad ke-16 lagi oleh para sarjana Barat, bermula sarjana Belanda, kemudiannya diikuti oleh Inggeris dan sarjana-sarjana Eropah yang lain, antaranya seperti R.O. Winstedt, R.J. Wilkinson, J.Longan, William Marsden, Sir Stamford Raffles, John Crawford dan lain-lain lagi (Mahayudin Yahaya, 2000). Mereka kemudiannya membawa pulang ke negara masing-masing pelbagai manuskrip yang diperoleh daripada gugusan Alam Melayu ini. Sebagai contohnya, kebanyakan manuskrip Melayu-Islam di Indonesia, terutamanya di Aceh yang menjadi tanah jajahan Belanda dibawa dan dikumpulkan di Perpustakaan Universiti Leiden (Mahayudin Yahaya, 2000). Manuskrip asli tulisan Hamzah Fansuri (1550-1600), Nur al-Din al-Raniri (w. 1658) dan Abd Ra'uf Sinkili (1615-1693) umpamanya masih lagi tersimpan di sana sehingga kini. Usaha untuk mengesan dan mendapatkan maklumat berkaitan manuskrip yang berada di dalam dan luar negara telah dibuat dengan menghasilkan pelbagai jenis katalog. Ada yang diusahakan oleh Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia secara rasmi, ada yang diusahakan oleh pusat manuskrip terbabit dan ada pula yang dihasilkan oleh para pengkaji yang lain secara persendirian. Antara contoh katalog tentang manuskrip Melayu di luar negara telah dihasilkan adalah seperti, Katalog Manuskrip Melayu di Belanda (1985), Katalog Manuskrip Melayu di Perancis (1991), Katalog Manuskrip Melayu di Jerman Barat (1992),

Katalog Manuskrip Melayu di Library of Congress USA (1993), Katalog Manuskrip Melayu di Singapura (1993) dan Katalog Manuskrip Melayu di Afrika Selatan (1998). Namun hampir semua katalog yang telah dihasilkan termasuk Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu sendiri hanya menyenaraikan manuskrip dan maklumat berkaitan secara umum sahaja mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Hal ini menimbulkan beberapa isu tentang maklumat asas manuskrip tersebut dan menyukarkan para pengkaji (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2016). Mereka juga belum lagi mengkaji dengan lebih mendalam akan kandungan manuskrip kemudiannya mengemukakan satu katalog yang lebih bersifat khusus selaras dengan bidang ilmu masing-masing seperti jika manuskrip agama kebiasaannya dikategorikan sebagai manuskrip fikah, tauhid/akidah, tasawuf dan juga pendidikan Islam.

Oleh yang demikian, makalah ini membentangkan kajian awal terhadap manuskrip di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dan menyenaraikan beberapa manuskrip dalam bidang pendidikan Islam secara khusus. Kajian ini amat penting untuk melihat perkembangan dan pemikiran pendidikan Islam dalam kalangan masyarakat Melayu terdahulu untuk dijadikan rujukan dan kajian lanjutan demi manfaat masa kini. Hal ini juga akan mendedahkan tentang sumbangan para ulama' Alam Melayu dalam bidang

pendidikan Islam melalui karya-karya yang dihasilkan oleh mereka.

MANUSKRIP MELAYU DAN PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU, PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Perkataan manuskrip berasal daripada Bahasa Inggeris ‘*manuscript*’ yang merupakan gabungan dua perkataan Latin, *manus* dan *scriptus*. Manus merujuk kepada tangan, manakala *scriptus* pula merujuk kepada tulisan (Abu Hasan Sham, 2006; Wan Ali Wan Mamat, 2014). Menurut Kamus Dewan (2007), manuskrip merujuk kepada tulisan tangan, versi atau bahan (sesuatu karya) yang telah disediakan oleh penulis (editor dan sebagainya) untuk dicetak dan diterbitkan dalam bentuk buku. Manakala definisi istilah pula, Dewan Bahasa dan Pustaka pada 10 Oktober 1983 dahulu telah mengadakan satu pertemuan antara para sarjana untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan manuskrip Melayu. Mereka terdiri daripada sarjana yang mengkaji Alam Melayu, pustakawan, kurator dan penyelidik yang berminat dalam kajian manuskrip Melayu. Hasil pertemuan tersebut, mereka semua bersetuju bahawa definisi istilah yang tepat kepada manuskrip Melayu ialah “apa-apa tulisan jawi/rumi berbahasa Melayu yang ditulis dengan tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, kulit, daun lontar, buluh, gading, kayu, dengan isi kandungan dan jangka waktu yang tidak terbatas” (Wan Ali Wan Mamat, 1988: 7). Lanjutan daripada takrifan ini, PNM (2012) juga mendefinisikan manuskrip Melayu sebagai karya-karya dalam tulisan jawi, yang berbahasa Melayu yang bertulis tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, kulit binatang, daun lontar, buluh, gading, kayu dan kain yang dihasilkan seawal-awalnya dalam lingkungan abad ke-16 dan selewat-lewatnya abad ke-20. Definisi tersebut menimbulkan beberapa isu yang mana wujud beberapa manuskrip yang ditemui sebelum abad ke-15 dan juga wujudnya manuskrip yang ditulis dengan tulisan tempatan selain tulisan Jawi. Oleh yang demikian, dengan pengenalan Dasar Manuskrip Melayu pada tahun 2014, definisi ini diubah kepada pernyataan yang lebih umum. Dalam dokumen tersebut manuskrip ditakrifkan sebagai segala bentuk tulisan tangan menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam dan tamadun Melayu yang berusia sekurang-kurangnya 100 tahun (PNM, 2014).

Mengenai tarikh dan sejarah penulisan manuskrip Melayu pula, para pengkaji lepas mengemukakan pelbagai pendapat. Secara umumnya boleh disimpulkan bahawa manuskrip Melayu mula dihasilkan sebelum abad ke-15 lagi dan sampai ke kemuncaknya pada abad ke-17 (al-Attas, 1989; Mahayudin Yahaya, 2004). Tempoh masa ini dipilih adalah berdasarkan pada abad tersebut berlakunya pencapaian ilmu pengetahuan Islam di Alam Melayu dan ilmu pengetahuan pesat berkembang sehingga dikatakan sampai kepada kemuncaknya dengan kelahiran beberapa tokoh sarjana Alam Melayu (Asma Ahmat, 1986; Mahayudin Yahaya, 2004). Namun begitu, seperti yang dinyatakan oleh Abu Hassan Sham (2006), untuk menentukan tarikh sebenar permulaan penulisan manuskrip Melayu ini adalah amat sukar. Tambahan pula, kebanyakan manuskrip yang ada sekarang ini dan yang dihasilkan pada abad ke-15, tidak diketemui manuskrip asal tulisan pengarang (teks Autograf) untuk membuktikan secara jelas abad ke-15 tersebut merupakan permulaan penulisan manuskrip Melayu.

Merujuk kepada Malaysia, terdapat satu institusi khas yang menjaga dan memulihara khazanah manuskrip Melayu, iaitu Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, yang terletak di Aras 11, Menara PNM, Perpustakaan Negara Malaysia. Pusat ini ditubuhkan pada 1985 dengan nama

Pusat Manuskrip Melayu sebagai satu bahagian di bawah PNM, manakala pada tahun 2014 pula pusat ini mula dikenali sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM). Walaupun institusi ini bukanlah satu-satunya yang menyimpan koleksi manuskrip Melayu, namun ia dilihat agak terkehadapan daripada institusi lain dalam usaha memelihara dan memulihara naskhah manuskrip Melayu termasuk mengendalikan proses pendigitalannya (PNM, 2012). Selain itu, PKMM ini menjalankan fungsi sebagai mengesan, memperoleh dan membina koleksi manuskrip Melayu dalam apa jua bentuk dari dalam dan luar negara; mendokumentasikan, menyelenggarakan katalog induk dan menerbitkan bibliografi; menyediakan kemudahan menyimpan, memelihara dan memulihara manuskrip Melayu; menyediakan kemudahan penyelidikan manuskrip Melayu; menyebarkan pengetahuan yang terdapat dalam manuskrip Melayu melalui penyelidikan, penerbitan dan lain-lain aktiviti promosi (PNM, 2012).

PKMM ini menjalankan fungsi secara aktif dan proaktif dalam memperoleh dan menerbitkan katalog manuskrip Melayu. Sehingga perolehan tahun 2015, koleksi manuskrip di PKMM ialah sebanyak 4557 naskhah (PNM, 2015). PKMM ini juga telah berjaya menerbitkan 27 siri katalog untuk memudahkan para pengkaji meneliti manuskrip yang disimpan. Katalog ini boleh dibahagikan kepada enam jenis, iaitu katalog ringkas (handlist); katalog deskriptif; katalog mikrofilem; katalog manuskrip Melayu di luar negara; katalog induk; dan katalog pameran (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2016). Bermula tahun 1987 hingga 1999, PKMM menerbitkan katalog secara tahunan yang bertajuk “Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas” yang terdiri daripada lima siri. Bermula pada tahun 1987 “Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas”, kemudian Tambahan Pertama (1990), Tambahan Kedua (1993), Tambahan Ketiga (1997) dan Tambahan Keempat (1999).

Setelah itu, sebagai kesinambungan terhadap terbitan katalog yang sebelumnya, bermula tahun 2000, pihak PKMM menerbitkan pula “Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia” yang lebih terperinci dan memberi maklumat deskriptif kepada para pengkaji. Maklumat tersebut merangkumi nombor manuskrip, judul, pengarang/penyalin, tarikh dikarang/disalin, tempat dikarang/disalin, halaman, ukuran, jumlah baris dan patah perkataan, deskripsi kertas, tera air, dakwat, kolofon, ringkasan kandungan dan keadaan manuskrip sama ada lengkap ataupun tidak. Setakat penerbitan Katalog Manuskrip Melayu Tambahan Kelapan yang diterbitkan pada tahun 2015, terdapat sejumlah 2268 manuskrip yang mewakili 3265 judul yang di rekod dan dicatat maklumat mengenainya secara lebih terperinci. Usaha ini adalah bertujuan untuk memudahkan penyelidik manuskrip mengesan dan merujuk manuskrip Melayu yang tersimpan di dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Dengan tersebarnya katalog sebegini di repositori manuskrip di luar negara, masyarakat global akan mengetahui kekayaan warisan khazanah ilmu yang dihasilkan daripada minda masyarakat Melayu pada zaman silam (Katalog Manuskrip Melayu, 2000). Bilangan manuskrip yang dikemukakan dalam katalog deskriptif tersebut adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Bil	Katalog	Tahun	Jumlah Manuskrip	Jumlah Judul
1	Katalog Manuskrip Melayu	2000	151	236
2	Katalog Manuskrip Melayu Tambahan Pertama	2001	188	297
3	Katalog Manuskrip Melayu Tambahan Kedua	2002	260	369
4	Katalog Manuskrip Melayu Tambahan Ketiga	2003	136	224
5	Katalog Manuskrip Melayu Tambahan Keempat	2006	500	344
6	Katalog Manuskrip Melayu Tambahan Kelima	2008	380	717
7	Katalog Manuskrip Melayu Tambahan Keenam	2011	318	583
8	Katalog Manuskrip Melayu Tambahan Ketujuh	2012	187	332
9	Katalog Manuskrip Melayu Tambahan Kelapan	2015	148	163
Jumlah			2268	3565

Jadual 1: Jumlah Manuskrip Melayu yang disenaraikan dalam Katalog Deskriptif tahun 2000-2015

MANUSKRIP MELAYU DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM

Sebagaimana yang telah disentuh pada awal perbincangan bahawa setakat pengamatan penulis, katalog secara khusus berkaitan bidang pendidikan Islam belum lagi dihasilkan. Penyusun terdahulu hanya menjelaskan kategorinya secara umum semasa memperincikan kandungan manuskrip sahaja. Kebanyakan katalog sedia ada hanya membahagikan manuskrip Melayu secara umum sahaja, seperti bidang agama, kesusasteraan, sejarah, undang-undang, warkah surat, perubahan tradisional, syair dan nazam, ketatanegaraan, petua, azimat, kitab ramalan dan sebagainya. Hal ini menyebabkan maklumat terhadap manuskrip yang dihasilkan oleh para ulama Alam Melayu dalam subbidang tertentu tidak diketahui oleh masyarakat amnya selain beberapa isu lain berkaitan kesahan maklumat dan juga deskripsi yang tidak konsisten dalam penulisan katalog (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2016). Di samping itu, hal ini juga menyebabkan kajian lanjutan dalam sub topik tertentu tidak dapat dilakukan oleh para pengkaji terkemudian seterusnya khazanah dan sumbangan para sarjana Alam Melayu dalam ilmu dan bidang penulisan menjadi kabur.

Oleh yang demikian, pada bahagian ini penulis akan mengemukakan sejumlah manuskrip Melayu-Islam dalam bidang pendidikan Islam yang dihasilkan oleh para ulama Alam Melayu. Dapatan ini merupakan satu tinjauan dan analisis awal terhadap katalog dekriptif manuskrip Melayu yang diterbitkan oleh Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, PNM, bermula tahun 2000 sehingga tahun 2015 (bilangan pertama hingga tambahan kelapan) yang berjumlah

2268 manuskrip dengan 3565 judul. Antara manuskrip dalam bidang pendidikan Islam yang ditemui oleh penulis dapat dikemukakan sebagaimana dalam rajah berikut:

Bi l	J u d u l	No Manuskrip	Pengaran g/ Penyalin	Tarikh	K a n d u n g a n	Katalog	Statu s
1	<i>Dawa' al-Qulub</i>	MSS 2262 [B]	Muhammad bin Khatib di Negeri Langin	Waktu Zuhur bulan Maulud	Membicarakan mengenai 'ubat' hati dalam dua bab. Bab pertama memberi cara menjauhkan maksiat anggota dan bab kedua mengenai maksiat hati.	Katalog Manuskrip Melayu, h. 17	Lengkap
2	<i>Nazam Tanbih al-Tullab</i>	MSS 2738 [E]			Teks dalam bahasa Arab dengan terjemahan antara baris dalam bahasa Melayu. Menyatakan pentingnya menuntut ilmu.	Kata log Manuskrip Melayu, h. 92	Lengkap
3	<i>Bab Adab</i>	MSS 2738 [H]			Teks dalam bahasa Arab dengan terjemahan antara baris dalam bahasa Melayu. Memberi nasihat adab menuntut ilmu.	Katalog Manuskrip Melayu, h. 93	Lengkap
4	<i>Dawa' al-Qulub</i>	MSS 2463	Muhammad bin Khatib di Negeri Langin	Rabiul Akhir 1237H tahun Jim	Memperkatakan antara lain tentang adab orang yang alim, menjauhi segala maksiat anggota, taat dalam hati dan segala maksiat hati di dalam 1 mukadimah, 3 bab dan 1 khatamah	Katalog Manuskrip Melayu, 1, h. 39- 40	Tidak lengkap
5	<i>Syair Menuntut Ilmu</i>	MSS 2468 [C]			Antara lain menyatakan pelbagai ilmu yang patut dituntut dan menceritakan perihal para Sahabat dan keluarga Nabi SAW di dalam bentuk syair.	Katalog Manuskrip Melayu, 1, h. 47	Tidak lengkap

6	<i>Bab al-Adab</i>	MSS 2906 [A]	Muntajib	Membicara tentang adab menuntut ilmu.	Katalog Manuskrip Melayu, 3, h. 25	Lengkap
7	<i>Tibyan al-Maram</i> <i>Talibah al-Talabah</i>	MSS 2906 [B]	Imam Muh am mad anak Kas yafir	Menyatakan jalan ilmu dan jalan mengajarkannya di dalam 6 fasal. Antaranya fasal-fasal mengenai hakikat ilmu, niat menuntut ilmu, memilih ilmu dan perkara-perkara yang menambah dan mengurangkan rezeki.	Katalog Manuskrip Melayu, 3, h. 26	Lengkap
8	<i>Nazam Adab</i>	MSS 2908 [A]	Jumaat 25 Zulhijah	Nazam ini mengandungi pengajaran tentang adab- adab seperti menuntut ilmu dan sebagainya.	Katalog Manuskrip Melayu, 3, h. 27- 28	Lengkap
9	<i>Nazam Adab</i>	MSS 3328 [A]		Merupakan sebuah nazam yang mengandungi pengajaran dan pelajaran kepada adab serta ilmu pengetahuan kepada muslimin dan muslimat.	Katal og Man uskri p Melayu, 4, h. 164	Lengkap
10	<i>al-Hakam/al-Hikam? Al-'Ata'iyah</i>	MSS 3342 [A]	Lebai Abdullah	Membicarakan tentang darjat orang yang berilmu serta kelebihan ilmu	Katal og Man uskri p Melayu, 4, h. 171	Lengkap
11	<i>Pelbagai Catatan</i>	MSS 3386		Antara lain mengandungi perbincangan tentang shahadah, nazam sembahyang, syair kepentingan	Katalog Manuskrip	Tidak lengkap

menuntut ilmu dan umdah al-muhtajin

12	<i>Dawa' al-Qulub</i>	MSS 4086	Selasa waktu Dhuha	Mengandung bab dan fasal yang memperkatakan mengenai martabat nafas, ilmu tauhid, iman, taubat dan takut, sifat sabar, ikhlas, benar, tawakkal, iktikad, sifat Allah dan lain-lain.
13	<i>Dawa' al-Qulub</i>	MSS 4091		Kitab ini yang bermaksud 'ubat segala harti daripada segala aib' memfokuskan tentang beberapa fasal mengenai adab orang yang belajar, adab orang yang mengajar, bab mengenai menjauhi maksiat anggota, fasal menyatakan syukur, ikhlas, sabar dan segalanya.
14	<i>Dawa' al-Qulub</i>	MSS 4184		Dawa' al-Qulub yakni 'ubat segala harti daripada segala aib' mengandungi fasal berkaitan dengan adab orang yang alim, abab menjauhi maksiat anggota, maksiat hati, seperti ujub, dengaki, hasad, takbur, bab dalam menyatakan taat kepada hati seperti taubat, sifat sabar, syukur, dan mahabbah, fasal berkenaan iktikad yang sah dan serta pelbagai lagi yang berkaitan dengannya.
15	<i>Dawa' al-Qulub</i>	MSS 4189 [D]	Rejab 1238H	Kitab ini mengandungi 3 bab, 1 mukaddimah dan

				1 khatamah iaitu mukadimah bagi adab murid, bab 1 menyatakan mengenai menjauhi segala maksiat anggota, bab 2 pula menghuraikan mengenai segala maksiat hati dan bab 3 pula memperkatakan tentang taat di dalam hati. Dihuraikan dalam bentuk fasal-fasal kecil bagi setiap bab.
16	<i>Kitab Adab</i>	MSS 3942 [B]	Dhuha 9 Safar	Menyentuh perihal kepentingan menuntut ilmu
17	<i>Dawa' al-Qulub</i>	MSS 3944 [B]		Memperkatakan antara lain tentang adab orang alim, menjauhi segala maksiat anggota, taat dalam hati dan sagala maksiat hati
18	<i>Nazam Adab</i>	MSS 3941[I]		Membicarakan tentang menuntut ilmu dalam bentuk nazam
19	<i>Dawa' al-Qulub</i>	MSS 3955 [B]	Rejab 1238H	Memperkatakan antara lain tentang adab orang alim, menjauhi segala maksiat anggota, taat dalam hati dan sagala maksiat hati
20	<i>Kitab Adab</i>	MSS 3993		Membicarakan tentang sifat mahmudah serta sifat mazmumah dalam Islam. Boleh dikategorikan sebagai kitab adab atau akhlak al-Islamiyyah.
21	<i>Dawa' al-Qulub min al-'Uyub</i>	MSS 4021 [D]		Memperkatakan antara lain tentang adab orang alim, menjauhi segala maksiat anggota, taat dalam hati dan sagala maksiat hati di dalam 1

25	<i>Bab al-Adab</i>	MSS 4315 [D]	Risalah yang menceritakan tentang adab belajar dan menuntut ilmu. Antara adab-adabnya ialah hati perlulah bersih dan suci, hormat kepada ibubapa, niat dan berminat untuk dapatkan ilmu dan lain-lain. Risalah ini berbentuk nazam dan di dalam teks asal Arab tetapi terdapat terjemahan Jawi di antara baris
26	<i>Tanbih al-Tullab</i>	MSS 4315 [E]	Risalah ini menekankan tentang kepentingan menuntut ilmu dalam menghidupkan dan mengetahui hukum syarak. Turut menyatakan tiga bahagian menuntut ilmu iaitu perlulah diketahui orang (menyampaikan ilmu), jangan takabur dalam menuntut ilmu serta menuntut ilmu itu menjadikan diri seseorang dekat kepada tuhan
27	<i>Bab Adab</i>	MSS 4331	Kitab dalam teks Arab dengan terjemahan Melayu ini menceritakan tentang adab dalam menuntut ilmu

28	<i>Ma'arij al-Lahfan li Tariqi ila Haqa'iq al-Irfan</i>	MSS 4430	Sebuah kitab tasawuf yang membicarakan tentang ilmu tarekat meliputi tiga fasal, iaitu fasal mengenai adab murid yang benar dan sentiasa berpegang kepada sunnah Nabi SAW serta beriktikad dengan ahli Sunnah wa al-Jama'ah, fasal kedua tentang mengenal sifat/adab bagi guru tarekat yang suci zahir dan batin daripada dosa. Fasal ketiga menyatakan aturan zikir yang diamalkan oleh para ahli tarekat. Terdapat perenggan yang terperinci mengenainya.	
29	<i>Dawa' al-Qulub min al-'Uyub</i>	MSS 4459	Kitab yang diberi nama 'Ubat segala Hati bagi Kejahatan' mengupas mengenai ilmu syhadah dan ilmu ghaib. Terdapat mukadimah, 3 pembahagian bab dan 1 khatamah yang terkandung di dalam kitab. Antara kupasannya meliputi adab segala murid, taat di dalam hati, menjauhi maksiat anggota dan sebagainya. Setiap bab diperincikan lagi ke dalam fasal-fasal kecil secara komprehensif. Karya sufi ini secara umumnya menekankan cara memperelokkan akhlak yang melambangkan cerminan peribadi muslim.	
30	<i>Mantik</i>	MSS 4486 [E]	Lebai Aceh	Sebuah kitab yang membicarakan mengenai ilmu falsafah yang disampaikan dalam bentuk nazam. Turut dinyatakan ciri-ciri bagi orang yang berilmu dan manfaat yang diperolehi oleh seseorang jika mempunyai ilmu.
31	<i>Kitab Adab</i>	MSS 4487 [B]	Memperkatakan tentang adab menuntut ilmu, adab guru dan pelajar serta kebaikan yang diperolehi daripada menuntut ilmu.	

32	<i>Ma'arij al-Lahfan li</i>	MSS 4541	Syed Abdul Rahman Syed Muhammad Syed	Kitab yang bermaksud 'Tanggung bagi orang yang
	<i>Taraqqi ila Haqa'iq al-Irfan</i>		Zainal Abidin al-Aidrus (Tok Ku Paloh)	<p>sangat dahaga naik kepada martabat segala hakikat makrifat' secara keseluruhannya</p> <p>mengetengahkan kupasan mengenai ilmu tasawuf (ilmu sufi dan bersifat batin) yang meletakkan ketauhidan kepada Allah SWT sebagai asas pemikiran dan pegangan akidah seseorang muslim (Ahli Sunnah wa al-Jama'ah). Antara lain memperkatakan tentang sifat dan hak Allah SWT, ilmu hakikat, tarikat dan sebagainya. Turut disertakan firman Allah SWT, sabda Nabi SAW dan dalil-dalil berkaitan mengikut tafsiran ahli sufi.</p>

Jadual 2: Jadual manuskrip pendidikan Islam

Berdasarkan jadual di atas, terdapat 32 judul manuskrip yang amat berkait rapat dengan bidang pendidikan Islam. Pemilihan manuskrip ini adalah berdasarkan tajuk dan deskripsi umum yang terdapat dalam katalog deskriptif manuskrip Melayu. Pemilihan ini juga dibuat berdasarkan tajuk manuskrip yang menggambarkan disiplin pendidikan Islam dan membicarakan hal-hal pendidikan Islam secara langsung. Beberapa naskhah yang disenaraikan ini mungkin ada yang kurang berkaitan secara tepat dengan disiplin pendidikan Islam disebabkan naskhah tersebut tidak dapat diteliti dengan lebih mendalam, kajian awal ini hanya menumpukan kepada analisis awalan sub tema pendidikan Islam berdasarkan katalog deskriptif yang ada. Dengan ini, kajian yang lebih terperinci boleh dilakukan dan dapatan ini amat membantu ke arah menghasilkan satu katalog yang khusus berkait bidang pendidikan Islam seterusnya kajian manuskrip ini boleh diteruskan dengan penelitian aspek kodikologi mahupun filologi. Beberapa manuskrip yang hanya membicarakan persoalan ilmu dan pendidikan Islam dengan terlalu ringkas, sama ada dalam pendahuluan kitab atau subtajuk yang agak kecil tidak dimasukkan dalam senarai di atas ini. Senarai di atas juga tidak menafikan mungkin wujud beberapa naskhah manuskrip lain lagi berkaitan pendidikan Islam yang belum diperoleh oleh pengkaji atau beberapa manuskrip yang memerlukan penelitian terhadap kandungannya untuk menentukan adakah ia merupakan manuskrip dalam bidang pendidikan Islam atau pun tidak. Sebagai fokus penulisan ini, penulis mengemukakan huraian dan deskripsi yang terperinci terhadap satu manuskrip yang terpilih dan amat berkait dengan bidang pendidikan Islam.

KITAB ADAB: MANUSKRIP PENDIDIKAN ISLAM ALAM MELAYU

Antara manuskrip Melayu berkaitan bidang pendidikan Islam yang banyak ditemui dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia ialah manuskrip yang diberi judul Adab seperti *Kitab Adab*, *Bab Adab*, *Bab al-Adab*, Bab pada menyatakan tentang adab dan juga Nazam Adab. Walaupun terdapat pelbagai nama judul manuskrip yang dirujuk sebagai adab ini, setelah penulis meneliti naskhah manuskrip ini dan merujuk kepada beberapa manuskrip asal yang terdapat di PKMM, kebanyakan naskhah tersebut mempunyai kandungan yang hampir sama kecuali dua naskhah yang agak sedikit berbeza. Kepelbagaian nama ini wujud disebabkan penyusun katalog meletakkan nama atau judul manuskrip berdasarkan kolofon atau maklumat pada akhir manuskrip sahaja tanpa meneliti isi kandungan manuskrip tersebut. Hal ini bukan sahaja berlaku dalam kes manuskrip adab sahaja malah turut berlaku dalam penulisan judul manuskrip lain seperti *Durr al-Nazirah*, *Nazam Nur al-Anam*, *Tadhkir al-Qobi*, *Munyat al-I'tiqad* dan sebagainya (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2016; Salmah & M. Syukri, 2007). Berdasarkan senarai manuskrip pendidikan Islam yang dikemukakan sebelum ini, manuskrip yang diberi judul Bab Adab terdapat lima naskhah, *Kitab Adab* pula empat naskhah dan Nazam Adab pula tiga naskhah. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya terdapat 12 naskhah manuskrip yang berjudul Adab yang merujuk kepada manuskrip pendidikan Islam.

Penggunaan terminologi adab sebagai karya pendidikan Islam ini tidak asing daripada sejarah penulisan karya pendidikan Islam. Terdapat banyak karya sarjana pendidikan Islam yang menjadikan perkataan adab sebagai judul kitab mereka (Mohd Anuar Mamat, 2016a). Antaranya seperti Ibn Saḥnūn (w.256H), *Adab al-Mu'allimīn wa al-Muta'allimīn*, Ibn 'Abd al-Barr (w.463H), *Adab al-'Ilm*, *Abū Ḥāmid al-Ghazālī* (w.505H), *Adab Ṭālib al-Ḥadīth*, *al-Adab*

fī al-Dīn, al-Sam, ānī (w.562H), *Adab al-Imlā' wa al-Istimlā'*, Imām al-Nawāwī (w.676H), *al-Tibyān fī Adab Ḥamlat al-Qur'ān*, Badr al-Dīn Ibn Jamā, ah (w.733H), *Tadhkirah al-Sāmi' wa al-Mutakallim fī Adab al-'Ālim wa al-Muta'allim* dan sebagainya (Yaḥyā Ḥasan, „Alī Murād, 2003; Mohd Anuar Mamat, 2016b). Penggunaan istilah adab ini juga bertepatan dengan pandangan al-Attas (1999) bahawa istilah yang tepat dalam mendefinisikan proses pendidikan Islam ialah ta'dīb yang berasal daripada akar kata adab yang digunakan oleh sejumlah sarjana pendidikan Islam dahulu termasuk juga sarjana di Alam Melayu (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998; Mohd Anuar Mamat, 2016b).

Merujuk kepada manuskrip Bab Adab dalam koleksi PKMM, terdapat lima naskhah manuskrip kesemuanya. Manuskrip ini masing-masing diletakkan di bawah nombor rujukan MSS 2378 [H] (Katalog Manuskrip Melayu, 2000), MSS 2906 [A] (Katalog Manuskrip Melayu 3, 2003), MSS 4291 [A], MSS 4315 [D], dan MSS 4331 (Katalog Manuskrip Melayu 7, 2012). Kesemua manuskrip ini adalah lengkap kecuali MSS 4331 merupakan manuskrip yang tidak lengkap. Begitu juga dengan tarikh penulisan atau penyalinan manuskrip ini, kesemuanya tidak dinyatakan. Manuskrip MSS 2378 merupakan manuskrip Bab Adab yang pertama sekali diperolehi oleh PKMM dan yang terakhir pula ialah MSS 4331. MSS 2378 [H] ini terdiri daripada tujuh halaman, bermula dengan 36r. hingga 39r., setiap bahagian mengandungi lebih kurang 19 baris. Manuskrip MSS 2906 [A] pula keadaannya juga lengkap, tanpa tarikh, ditulis dengan kemas, konsisten dan menggunakan dakwat berwarna hitam. Terdapat rubrikasi pada perkataan bahasa Melayu tertentu dan bahasa Arab. Manuskrip ini mengandungi 11 halaman, bermula 1r. hingga 6r., setiap halaman pula mengandungi lebih kurang 16 baris dengan 9 patah perkataan. Pada akhir manuskrip atau kolofon tidak dicatat tarikh tamat penyalinan kitab ini menyebabkan maklumat tersebut tidak dapat diperolehi. Teks tersebut sebagaimana berikut;

...برمول كسفرنان كتاب انى دنماي باب الاداب كران بهوست بر كهندق بك تيف 2 اوراغ يغ منتنت

Manakala MSS 4291 [A] merupakan manuskrip yang terdiri daripada 23 halaman, bermula 2v. Hingga 13v. dan setiap halaman mengandungi 7 baris. Dari segi jumlah halaman ia berbeza dengan manuskrip lain yang diberi judul Bab Adab yang mana manuskrip lain hanya sekitar di bawah 15 halaman sahaja. Manuskrip ini dijilid dengan baik dan Bab Adab merupakan salah satu judul yang terkandung dalam jilidan tersebut. Tulisannya agak baik, konsisten dan condong namun masih boleh dibaca dengan baik. Selain manuskrip ini, dalam katalog yang sama juga terdapat dua lagi manuskrip Bab Adab, iaitu MSS 4315 [D] dan MSS 4331. MSS 4315 [D] adalah lengkap manakala MSS 4331 pula tidak lengkap. MSS 4315 [D] terdiri daripada 8 halaman bermula 11v. hingga 14r., dan setiap halaman mengandungi 7 baris. MSS 4331 walaupun tidak lengkap, tetapi mengandungi 9 halaman bermula 1v. hingga 5v.

Mengenai kandungan manuskrip Bab Adab ini, ia mengandungi teks Arab dengan terjemahan Melayu/Jawi yang dimuatkan antara baris-barisnya (*interliner*). Selain terjemahan itu, penulis atau penyalin manuskrip juga membuat huraian lanjut berserta komentar untuk menjelaskan lagi maksud teks Arab yang diterjemahkan, khasnya dalam MSS 2906 [A]. Hal ini bertujuan supaya terjemahan yang dikemukakan lengkap dan dapat difahami sebaiknya oleh para pembaca. Secara umumnya, manuskrip MSS 2378 [H], MSS 2906 [A], MSS 4315 [D], dan MSS 4331 membicarakan perihal kepentingan ilmu, nasihat dan adab dalam menuntut ilmu selaras dengan disiplin pendidikan Islam yang amat mementingkan perihal adab ini. Penulis

atau penyalin juga mengemukakan pernyataan berbentuk galakan untuk para pelajar meningkatkan motivasi dan kesungguhan dalam mencari ilmu. Keempat-empat naskhah manuskrip ini tidak menyatakan secara jelas ulama yang menuliskannya atau yang menterjemahkannya, hanya dinyatakan gelarannya sahaja iaitu *al-Muwāfiq Muntajib* dan diterjemahkan sebagai '*Hamba yang berbuat khidmat kepada gurunya*'. Hal ini memerlukan kajian lanjut untuk menyelidiki siapakah pengarang asalnya. Manakala manuskrip MSS 4291 [A], walaupun diberi judul yang sama, tetapi kandungannya berbeza dengan manuskrip yang lain. Ia juga merupakan terjemahan antara baris daripada syair bahasa Arab yang juga membicarakan adab dalam menuntut ilmu. Adab yang dikemukakan dalam MSS 4291 [A] ini berbeza dengan keempat-empat manuskrip yang dinyatakan sebelum ini. Manuskrip ini juga lebih terperinci perbincangannya merangkumi juga adab terhadap ibu bapa, orang tua, adab menziarahi Madinah, kata-kata nasihat dan misalan selain adab belajar serta mengajar.

Di samping *Bab Adab*, manuskrip yang diberi judul adab juga ialah *Kitab Adab*. Dalam koleksi PKMM, terdapat empat manuskrip yang dijudulkan sebagai *Kitab Adab* ini, iaitu MSS 3942 [B], MSS 3993 (Katalog Manuskrip Melayu 6, 2011), MSS 4249 [E] (Katalog Manuskrip Melayu 7, 2012) dan MSS 4487 [B] (Katalog Manuskrip Melayu 8, 2015). MSS 3942 [B] merupakan manuskrip pertama kitab ini yang diperolehi oleh PKMM sekitar tahun 2010-2011 dan yang terakhir ialah MSS 4487 [B] sekitar tahun 2012-2015. Walaupun manuskrip ini diberi judul *Kitab Adab*, namun penelitian terhadap beberapa naskhah asal manuskrip ini mendapati bahawa antara *Bab Adab* dan *Kitab Adab* kandungannya adalah sama yang memuatkan terjemahan syair berbahasa Arab melainkan MSS 3993 sahaja yang berbeza. Teks syair dalam bahasa Arab tersebut merupakan terjemahan daripada teks yang sama dengan Bab Adab walaupun terjemahan yang dikemukakan ada sedikit perbezaan. Hal ini menunjukkan ia merupakan kitab yang sama dan mungkin dihasilkan oleh penulis atau penterjemah yang berbeza.

Merujuk kepada MSS 3942 [B], manuskrip ini selesai ditulis atau disalin pada waktu Dhuha, sembilan hari bulan Safar, tanpa dicatat pula tahun salinan tersebut. Manuskrip ini adalah lengkap, terdiri daripada sepuluh halaman bermula 78r. hingga 82r. dan setiap halaman pula mengandungi lebih kurang 10 baris dengan 7 atau 8 patah perkataan. Teks bahasa Arab ditulis di dalam bingkai berwarna merah dan terjemahan Jawi dikemukakan antara baris teks tersebut. Setiap rangkap syair itu dimulakan dengan simbol bulat dengan titik di dalamnya menandakan ia merupakan permulaan rangkap syair. Tulisan jelas, teratur, boleh dibaca dengan baik dan menggunakan dakwat berwarna hitam dan sesetengah perkataan ada rubrikasi berwarna merah. Teks asal dalam bahasa Arab juga diletakkan baris untuk memudahkan bacaan. Manakala MSS 4249 [E], terdiri daripada tujuh halaman bermula 38r. hingga 41r. dan disalin oleh Lebai Muhammad. Naskhah ini dijilid bersama dengan enam kitab yang lain. Tulisannya kurang kemas dan tidak konsisten, menggunakan dakwat hitam dan terdapat rubrikasi pada sesetengah perkataan bahasa Arab dan Melayu. MSS 4487 [B] pula merupakan manuskrip *Kitab Adab* yang paling lewat diperolehi oleh PKMM dan sayangnya ia tidak lengkap. Ia terdiri daripada lima halaman sahaja bermula 4v. hingga 6v., dan setiap halaman mengandungi 9 baris. Secara umum, dakwat yang digunakan berwarna hitam, terdapat rubrikasi tertentu pada sesetengah perkataan. Tulisan tidak konsisten, berserabut dengan pelbagai catatan, sama ada *interliner*, catatan tepi dan sebagainya. *Kitab Adab* dalam koleksi ini merupakan kitab kedua dalam empat buah kitab yang dijilid bersama.

Mengenai MSS 3993 pula, walaupun diberi judul *Kitab Adab*, sama dengan judul ketiga-tiga manuskrip sebelum ini, namun ia sebenarnya mempunyai kandungan yang berbeza. Kandungan manuskrip ini mengenai sifat mahmudah serta sifat mazmumah dalam Islam. Ia boleh dikategorikan sebagai kitab adab yang merujuk kepada akhlak Islam atau dalam lebih menjurus kepada perbincangan ilmu tasawuf. Dari segi helaian ia juga amat berbeza dengan manuskrip di atas, yang mana MSS 3993 ini mempunyai 58 halaman, lima kuras serta yang dijilid tanpa kulit berbanding *Kitab Adab* sebelum ini sekitar 7 hingga 10 halaman sahaja. Status penulisan manuskrip ini tidak lengkap menjelaskan mungkin hanya sebahagian sahaja yang diperolehi dan disimpan oleh PKMM. Dakwat yang digunakan berwarna hitam, terdapat rubrikasi pada sesetengah kalimah bahasa Melayu dan Arab. Tulisannya kurang menarik tetapi konsisten dan agak kemas menggunakan khat campuran antara *nasakh* dan *riqshah*.

Mengenai manuskrip yang diberi judul Nazam Adab pula, manuskrip ini disenaraikan dalam katalog deskriptif sebanyak tiga naskhah. Antara sebab penyusun katalog menamakan ia sebagai Nazam Adab mungkin disebabkan kitab tersebut ditulis dalam bentuk nazam di samping wujud juga pada kolofon salah satu naskhah manuskrip tersebut perkataan nazam. Manuskrip Nazam Adab yang terawal diperolehi oleh PKMM ialah MSS 2908 [A] (Katalog Manuskrip Melayu 3, 2003), yang kedua, MSS 3328 [A] (Katalog Manuskrip Melayu 4, 2006), dan yang ketiga MSS 3941 [I] (Katalog Manuskrip Melayu 6, 2011). Manuskrip MSS 2908 [A] terdiri daripada 9 halaman, bermula 9r. hingga 13r., setiap halaman mengandungi lebih kurang 22 baris. Menurut catatan pada akhir manuskrip MSS 2908 [A], ia selesai disalin pada hari Jumaat 25 Zulhijjah, tanpa dicatat pula tahun salinannya. Halaman pertama MSS 2908 [A] teks Arab ditulis dengan dakwat berwarna merah, manakala terjemahan antara baris pula menggunakan dakwat berwarna hitam. Tulisannya kemas dan teratur, namun terdapat banyak catatan pada tepi dan sekitar teks menunjukkan penyalin atau penterjemah membuat catatan pembetulan dan juga komentar terhadap teks yang diterjemahkan. Manakala MSS 3328 [A] pula, terdiri daripada enam halaman 2v. hingga 4r., setiap halaman anggarannya mempunyai 14 baris. Ia dijilid kemas tanpa kulit dengan terdapat dua buah kitab sahaja dalam satu jilid tersebut. Tulisan besar, kemas dan konsisten serta setiap pertengahan rangkap syair dalam bahasa Arab dilukis simbol bulatan berwarna merah. Terdapat catatan pada bahagian tepi serta terjemahan antara baris dikemukakan dengan tulisan condong, tetapi masih boleh dibaca dengan baik. Pada akhir manuskrip atau kolofon dicatat sebagaimana berikut:

"...تمت الكتاب المسمى بنظم الاداب..."

Manuskrip MSS 3941 [I] pula merupakan naskhah terakhir yang diperolehi sekitar tahun 2010- 2011. MSS 3941 [I] ini terdiri daripada tujuh halaman, bermula 98v. – 101v. dengan setiap halaman mengandungi 19 baris. Manuskrip ini dijilid dengan kulit kadbod keras dan dijahit bersama dengan sembilan buah kitab yang lain. Dakwat berwarna hitam pada tulisan terjemahan manakala teks asal bahasa Arab ditulis dengan dakwat berwarna merah. Tulisan kemas, konsisten dan boleh dibaca dengan baik. Terdapat juga catatan-catatan pada tepi manuskrip dengan tulisan yang agak berbeza, mungkin catatan tersebut merupakan catatan komentar lanjut daripada penulis yang lain. Dalam naskhah ini juga, tidak dinyatakan secara jelas penulisnya, melainkan hanya disebut gelarannya sahaja iaitu *al-Muwāfiq Muntajib* dan diterjemahkan sebagai '*Hamba yang berbuat khidmat kepada gurunya*' sebagaimana *Kitab*

Adab dan Bab Adab. Oleh yang demikian, secara umumnya, boleh disimpulkan bahawa manuskrip *Nazam Adab* ini juga merupakan terjemahan teks bahasa Arab yang sama dengan *Kitab Adab dan Bab Adab*. Kesemuanya membicarakan perihal menuntut ilmu, pengajaran dan pembelajarannya serta adab-adabnya kepada para guru dan pelajar dalam bentuk syair atau nazam. Ia ringkas namun padat dengan pengajaran dan panduan berguna kepada generasi terkemudian. Walaupun teks bahasa Arab yang sama digunakan, namun terjemahan yang dikemukakan agak berbeza. Hal ini menunjukkan penulisan manuskrip adab ini sama ada dijudulkan sebagai *Nazam Adab*, *Kitab Adab* atau *Bab Adab*, merupakan karya pendidikan Islam yang berharga yang mungkin dihasilkan oleh sarjana yang berbeza dan pada masa yang berbeza.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, artikel ini mendapati bahawa peranan yang dimainkan oleh para ulama Alam Melayu dalam pelbagai aspek keilmuan sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Mereka berusaha bersungguh-sungguh membangunkan tamadun Melayu-Islam melalui perhatian mereka terhadap ilmu dan pendidikan. Penelitian awal terhadap beberapa penerbitan dan katalog yang dihasilkan oleh PKMM, Perpustakaan Negara Malaysia mendapati wujudnya sekitar 32 naskhah manuskrip yang berkait secara langsung dengan bidang pendidikan Islam dengan 12 naskhah manuskrip yang dijudulkan sebagai ‘Adab’ sebagai karya yang membincangkan tentang ilmu dan pendidikan Islam. Walaupun dapatan makalah ini merupakan satu kajian awal, namun ia merupakan langkah permulaan untuk menonjolkan sumbangan ulama Alam Melayu yang turut memberi perhatian dalam persoalan pendidikan. Hal ini juga menjelaskan bahawa ulama Alam Melayu meninggalkan sejumlah khazanah ilmu dan sumbangan yang besar serta bernilai dalam bidang pendidikan sama ada melalui karya mereka sendiri mahupun hasil terjemahan atau nukilan daripada karya lain yang berwibawa. Hasil daripada penulisan makalah ini juga diharapkan memudahkan para pengkaji manuskrip Melayu-Islam meneroka banyak kajian lanjutan dalam bidang pendidikan khususnya pemikiran dan karya-karya klasik para tokoh awal Islam di Alam Melayu seterusnya usaha untuk menghasilkan katalog khas serta meneruskan kajian kodikologi dan juga filologi. Dapatan kajian sebegini akan membantu mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan untuk memanfaatkan idea dan pemikiran para tokoh ulama Alam Melayu dalam menghadapi cabaran pendidikan dewasa ini.

RUJUKAN

Abu Hassan Sham. (2006). “Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu” dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu. 10-11 Julai 2006, Kuala Lumpur: PNM.

- Asma Ahmat. (1986). *Malay Manuscripts: Tradition and Documentation*. London: University College.
- Burhān al-Dīn al-Zarnūjī. (1986). *Ta,,līm al-Muta,,allim Ṭarīq al-Ta,,allum*. Muṣṭafā ,,Āshūr (ed.). Bulaq: Kaheerah.
- Deroche, Francois. (2006). *Islamic Codicology: An Introduction to the Study of Manuscripts in Arabic Script*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Ding Choo Ming. (2003). *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Dong Choo Ming. (2008). *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Harun Mat Piah. (2016). “Kebangkitan Intelektual Alam Melayu Nusantara - Kesannya Kepada Pemantapan Epistemologi Melayu Tradisional” dalam *Prosiding Seminar Asal-Usul dan Intelektual Melayu Nusantara*, Perpustakaan Negara Malaysia. 7-8 November 2016, Kuala Lumpur: PNM.
- Ismail Hussien. (1974). *The Study of Traditional Malay Literature with a Selected Bibliography*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahayudin Yahaya. (2000). *Karya Klasik Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahaya. (1994). *Naskhah Jawi: Sejarah dan Teks*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mahayudin Yahaya. (2004). “Penulisan Manuskrip Melayu-Islam: Tata kaedah dan Kepentingannya dalam Masyarakat Melayu Nusantara” dalam *Prosiding Seminar Manuskrip Islam*, 1-2 Mac 2004. Berakas: Brunie.
- Mat Saad Abdul Rahman. (1997). “Tahqiq Manuskrip Melayu” dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Mohd Anuar Mamat. (2016a). *Adab Ilmuwan Menurut Abū Ḥanīfah (m.150H): Suntingan Ilmiah, Terjemahan dan Analisis Waṣiyyah Abī Ḥanīfah Li Tilmīdhihi Yūsuf Al-Samtī*. AFKAR, 18, 43-102.
- Mohd Anuar Mamat. (2016b). *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: al-,,Ālim wa al-Muta,,allim*. Kuala Lumpur: CASIS-HAKIM.
- Mohd Nor Bin Ngah. (1983). *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars*. Singapura: Institut of Southeast Asian Studies.
- Mohd Zahirwan Halim et.al. (2013). “Pendigitalan Sebagai Langkah Pemeliharaan dan Pemuliharaan Manuskrip Melayu: Kajian di Beberapa Institusi di Malaysia”, dalam *Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VI*. 18-19 September 2013. Samarahan: Penerbit UiTM Sarawak.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2016). “Malay Manuscript Cataloguing In Malaysia: Issues And Challenges”, dalam *Regional Islamic Libraries Seminar 2016 (RELieS)*. 28-29 September 2016. Nilai: USIM.
- Noresah Baharom. (2007). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (1987). *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas*. Kuala Lumpur: PNM.

- PNM. (1997). Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas, Tambahan Ketiga. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (1999). Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas, Tambahan Keempat. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2000). Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2001). Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Pertama. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2002). Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Kedua. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2003). Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Ketiga. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2006). Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Keempat. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2008). Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Kelima. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2011). Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Keenam. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2012). Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Ketujuh. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2012). *The Legacy of Malay Manuscripts*. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (1997). *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia. PNM. (2015). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Kelapan*. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2014). *Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia (PNM/DS/06-P1)*. dimuat turun daripada <http://www.pnm.gov.my> (2 November 2016).
- Richard Winstedt. (1996). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Malay Branch of the Royal Asiatic Society.
- Salmah Ahmad & M.Syukri Yeoh. (2007). Pengarang Manuskrip Melayu al-I,tiqad dan Pentahkikan Teksnya. *Jurnal Filologi Melayu*, 15, 69-88.
- Sebastian Gunther. (2005). *Ideas, Images, and the Methods of Portrayal: Insights into Classical Arabic Literature and Islam*. Leiden: Brill.
- Siti Fathimah Abdul Halim. (2014). *Pusat Manuskrip Melayu: Sejarah dan Peranan dalam Pengurusan Manuskrip Melayu*. Disertasi Master. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2011). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1989). *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Translation of the Aqa'id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1999). *The Concept of Education in Islam: A Framework for An Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Tatiana A. Denisova. (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Teuku Iskandar. (1996). *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Jakarta:

Libr.

- Vladimir Braginsky. (2004). *The Heritage of Traditional Malay Literature*. Leiden: KITLV Press.
- Yaḥyā Ḥasan ‘Alī Murād. (2003). *Ādāb al-‘Ālim wa al-Muta’allim ‘inda al-Mufakkirīn al-Muslimīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Wan Ali Haji Wan Mamat. (1988). *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ali Haji Wan Mamat. (2014). *An Introduction to Malay Manuscripts*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of The Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2005). “Kajian Manuskrip al-Mu’tabar fi al-Hikmah (Kitab al-Nafs) Karangan Abu al-Barakat al-Baghdadi (547/1152): Ke Arah Suatu Kaedah Suntingan Ilmiah Warisan Manuskrip Melayu Islam”. *AFKAR*. Jilid 6 Mei 2015, h. 273-304. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam